

SYARAT YANG BERKUAT KUASA KE ATAS SEWAAN PETI SIMPANAN SELAMAT

- 1 Dalam syarat ini, "Peti" bermakna Peti Simpanan Selamat yang mana Penyewa bersetuju untuk menyewanya dan istilah "Penyewa" termasuk sesiapa yang diberi kuasa di bawah Mandat ini, dan mana-mana kata ganti nama lelaki juga merujuk kepada kata ganti nama wanita dan "Bank" bermakna RHB BANK BERHAD.
- 2 Selepas menandatangani Perjanjian ini, Penyewa akan membayar sewa sepenuhnya terlebih dahulu, bersama deposit untuk anak kunci dan berhak untuk masuk dan menggunakan Peti tersebut tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam ini.
- 3 Perjanjian untuk Menyewa ini tidak memberikan kepentingan tambahan atau kepentingan lain kepada Penyewa selain lesen untuk menggunakan Peti dalam tempoh sewa, untuk menyimpan barangan yang sesuai menurut syarat ini.
- 4 Bank tidak dianggap sebagai penjamin (baili) bagi kandungan Peti atau mana-mana bahagiannya, ataupun dipengaruhi oleh notis bagi sebarang amanah atau ekuiti yang dikaitkan kepada kandungan tersebut atau mana-mana bahagiannya. Tertakluk kepada peruntukan Fasal 7 di sini, jenis dan nilai kandungannya adalah bukan urusan Bank.
- 5 Hanya Penyewa akan dibenarkan menggunakan Peti. Beliau tidak dibenarkan untuk menyewakan semula Peti atau mana-mana bahagiannya. Beliau bagaimanapun boleh memberi kebenaran kepada orang lain untuk mengakseskan peti ini di bawah Mandat yang dilaksanakan pada borang Bank dan orang tersebut dianggap diberikan kuasa penuh oleh Penyewa untuk mengeluarkan atau mengendalikan kandungan Peti ini selepas menunjukkan anak kunci dan selepas tandatangannya ditentusahkan secara memuaskan oleh Bank.
- 6 Setiap Peti hendaklah mempunyai dua (2) set anak kunci, iaitu anak kunci A yang akan disimpan oleh Bank dan anak kunci B yang akan diberikan kepada Penyewa apabila deposit dibayar. Penyewa berjanji untuk menyimpan anak kunci B dengan teliti. Jika mana-mana anak kunci B hilang, dicuri atau disalah letak, Penyewa hendaklah serta merta melaporkannya kepada Bank dan Bank boleh, atas permintaan Penyewa mendapatkan kunci B baru dan kosnya hendaklah dibayar oleh Penyewa. Melainkan dan sehingga Bank dimaklumkan dengan sewajarnya tentang kehilangan kunci, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh Peti dibuka dan kandungannya dikeluarkan oleh sesiapa yang menunjukkan anak kunci dan menyamar sebagai Penyewa. Semua pembaikan yang perlu dibuat kepada kunci atau anak kunci hendaklah dilakukan secara eksklusif oleh pekerja yang dilantik oleh Bank. Belanja yang timbul daripada kehilangan anak kunci dan atau pembaikan yang timbul selain daripada penggunaan biasa dan munasabah Peti (termasuk kos kunci baru jika perlu) hendaklah ditanggung oleh Penyewa.
- 7 Penyewa tidak akan menggunakan atau membenarkan Peti digunakan untuk menyimpan sebarang cecair atau sebarang bahan yang boleh meletup, berbahaya atau menyalahi undang-undang atau sesuatu yang boleh menjadi gangguan kepada pihak Bank atau Penyewa Peti Simpanan Selamat lain atau untuk sebarang tujuan lain selain daripada menyimpan barang atau dokumen bernilai; dan Penyewa, atas permintaan Bank, hendaklah membenarkan Bank memeriksa kandungan Peti untuk memastikan syarat ini dipatuhi.
- 8 Penyewa boleh membuka Peti pada mana-mana hari bekerja semasa waktu perbankan lazim Bank apabila beliau menandatangani permohonan untuk menggunakan Peti tetapi Bank tidak akan terikat untuk membenarkan beliau menggunakan Peti jika tandatangan atau cap jari Penyewa tidak dapat disahkan secara memuaskan oleh pihak Bank; dan Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang timbul disebabkan keengganan Bank memberi kebenaran kepada pemohon untuk menggunakan Peti kerana Bank tidak berpuas hati dengan kesahihan (tandatangan atau cap jari tersebut. Bank juga berhak untuk tidak membenarkan Penyewa menggunakan Peti jika sewa tertunggak dan tidak dibayar (melainkan dan sehingga Bank telah menerima notis secara bertulis tentang penamatan penyewaan) atau jika terdapat sebarang jumlah hutang dan perlu dibayar oleh Penyewa kepada Bank di bawah syarat ini.
- 9 Jika sewa tertunggak atau tidak dibayar untuk satu (1) bulan selepas tarikh tamat tempoh atau jika terdapat sebarang pelanggaran atau ketidakpatuhan atau kegagalan melaksanakan mana-mana syarat ini di pihak Penyewa, Bank berhak untuk menamatkan Perjanjian ini tanpa memberi notis dan dalam keadaan tersebut, Bank hanya layak menerima sebahagian daripada sewa sehingga tarikh tamat tempoh Perjanjian, tetapi tertakluk kepada Fasal 12 di dalam ini, dan jika sewa bagi tahun semasa telah dibayar, maka bahagian sewajarnya akan dipulangkan oleh Bank.
- 10 Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh mana-mana satu pihak dengan memberikan notis bertulis satu bulan kalendar terlebih dahulu pada mana-mana tahun sewa dan selepas Perjanjian Sewa ditamatkan oleh Bank atau Penyewa, semua barangan yang disimpan di dalam Peti hendaklah dikeluarkan dan anak kunci B dipulangkan kepada Bank. Penerimaan anak kunci B akan diperakui oleh Bank dengan memulangkan Deposit untuknya.
- 11 Jika kandungan Peti tidak dikeluarkan atau anak kunci B tidak dipulangkan kepada Bank pada atau sebelum penamatan Perjanjian oleh mana-mana satu pihak, Penyewa bertanggungjawab untuk membayar Bank dua kali ganda sewa dari tarikh tamat tempoh sehingga kandungan Peti dikeluarkan dan anak kunci B dipulangkan kepada Bank.
- 12 Sekiranya anak kunci B tidak dipulangkan kepada Bank dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamatnya Perjanjian ini di bawah Fasal 10 di dalam ini atau serta-merta selepas tamatnya perjanjian ini disebabkan kegagalan menurut Fasal 9 di dalam ini, Bank berhak pada bila-bila masa selepas itu untuk memecahkan Peti pada kos yang ditanggung oleh Penyewa dan jika dirasakan wajar, untuk membuka penutup apa-apa bungkusan atau bekas dalam Peti dan membuka atau memecahkan apa-apa bekas berkunci pada kos yang ditanggung oleh Penyewa tanpa bertanggungjawab terhadap kerosakan yang berlaku. Bank berhak untuk menghantar kandungan Peti, pada kos yang ditanggung oleh Penyewa, menerusi pos daftar atau cara lain yang wajar kepada Penyewa, atas risiko Penyewa, ke alamat yang dirujuk dalam Fasal 16 atau atas budi bicaranya, Bank boleh mengekalkan dan menyimpan kandungan tersebut di tempat lain yang selamat atau tempat yang dirasakan wajar atas risiko Penyewa semata mata; dan Bank hendaklah berhak untuk mengenakan jumlah bersamaan dua kali ganda sewa yang perlu dibayar di bawah ini untuk tempoh yang bermula dari tarikh tamat tempoh Perjanjian sehingga Bank menghantar kandungan Peti kepada Penyewa atau sehingga Penyewa mengeluarkan kandungan Peti atau sehingga kandungan dijual menurut Fasal 13 di bawah.
- 13 Bank hendaklah mempunyai lien atau gadaian terhadap kandungan di dalam Peti yang disewa dan semua jumlah di mana Penyewa mungkin bertanggungjawab terhadap Bank di bawah syarat ini, dan boleh pada bila-bila masa dan dari masa ke masa daiam tempoh enam (6) bulan tersebut tanpa notis bertulis kepada Penyewa, menjual semua atau mana-mana kandungan Peti dan menggunakan hasil jualan bersih sebagai dan untuk menjelaskan semua hutang kepada bank untuk sewa atau belanja seperti yang dinyatakan di atas dan sebarang lebihan hasil jualan (jika ada) hendaklah disimpan oleh Bank atas arahan Penyewa, tanpa sebarang liabiliti pada pihak Bank untuk membayar faedah.
- 14 Sekiranya Penyewa meninggal dunia, wakil atau wakil-wakil peribadinya, jika lebih daripada satu, yang sah di sisi undang-undang, apabila menunjukkan anak kunci B, boleh masuk dan membuka Peti dan mengeluarkan semua kandungannya, dan tindakan ini akan menamatkan Perjanjian secara automatik. Sebelum pemberian Geran Probat atau Surat Pentadbiran, Bank boleh menggunakan budi bicaranya, tanpa bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, membenarkan mana-mana pihak yang mendakwa layak mentadbir harta pusaka Penyewa yang telah meninggal dunia untuk membuka Peti dan memeriksa kandungannya di hadapan pegawai Bank, tetapi orang tersebut tidak boleh mengeluarkan sebarang kandungan kecuali Wasiat atau kertas Pemberian Wasiat yang menunjukkan pihak tersebut dilantik sebagai wasi.
- 15 Bank langsung tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan kepada kandungan mana-mana peti simpanan selamat disebabkan kecurian, kebakaran, kecuaiian atau apa jua sebab lain kecuali bagi kerugian atau kerosakan kepada kandungan peti simpanan selamat kerana pecah masuk atau rompakan dan liabiliti Bank dalam keadaan tersebut hendaklah tidak melebihi jumlah diinsuranskan RM10,000.00. Penyewa boleh, jika dikehendakinya, mendapatkan insurans tambahan bagi kandungan jika nilai kandungan pada pendapatnya melebihi RM10,000.00
- 16 Adalah mustahak bagi penyewa untuk memaklumkan kepada pihak Bank sebarang perubahan pada alamat penyewa agar urusan surat menyurat berjalan dengan lancar dalam masa yang ditetapkan. Sebarang notis yang ditinggalkan atau dihantar melalui pos dalam sampul surat yang dialamatkan kepada Penyewa di alamat yang diberikan kepada Bank atau di alamat lain yang dimaklukkannya kepada Bank dari masa ke masa kepada Bank untuk menggantikan alamat asal, hendaklah dianggap telah diserahkan kepada Penyewa selepas penghantaran melalui pos walaupun beliau mungkin telah meninggal dunia atau tidak lagi tinggal di alamatnya atau telah meninggalkan negara.
- 17 Pihak Bank berhak untuk mengenakan dan/atau mengubah kadar sewa, yuran perkhidmatan dan/atau caj caj lain dari semasa ke semasa dengan memberi notis terdahulu kepada pemegang akaun. Sebarang pelaksanaan dan/atau pindaan akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh pihak Bank di mana pihak Bank berhak untuk mendebitkan Akaun tersebut, tetapi bagi pindaan ke atas yuran dan caj sekurang kurangnya memberi notis 21 hari kalendar kepada pemegang akaun sebelum pindaan tersebut berkuat kuasa, berdasarkan budi bicara mutlak Bank, notis untuk penambahan atau pindaan tersebut berkuat kuasa melalui:
 - a) Mempamerkan notis tersebut di premis Bank dan cawangan cawangannya untuk jangka masa tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari atau dengan menghantar notis tersebut kepada pemegang akaun; atau
 - b) Mempamerkan notis tersebut melalui laman web RHB Bank.
- 18 Sekiranya pelanggan telah memberi kebenaran kepada RHB Bank Bhd untuk mendedahkan maklumat pelanggan bagi maksud jualan silang, pemasaran dan promosi dalam borang permohonan; dan pelanggan kemudiannya memilih untuk memberhentikan kebenaran tersebut atau sebaliknya, pelanggan boleh menghubungi Cawangan Domisil RHB Bank Bhd untuk mengubah pilihan tersebut.
- 19 Bagi mengelakkan keraguan, Penyewa hendaklah menanggung semua yuran professional, cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan atau GST), dan perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan apa-apa fi lain, perbelanjaan atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan Peti Simpanan Selamat.